

03 AUG 2002

ZAINAL-PELABUR

MTUC GESA NEGARA ASEAN BERSATU TARIK PELABUR ASING

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Negara-negara anggota Asean perlu bekerjasama dengan memperkenalkan dasar bersepadu untuk menarik lebih ramai pelabur asing ke negara mereka.

Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Senator Datuk Zainal Rampak berkata dengan adanya dasar bersepadu, pelabur asing lebih yakin untuk melabur di negara Asean walaupun mereka menerima insentif yang lebih menarik dari negara maju.

"Sejak beberapa tahun lalu, MTUC telah menggesa negara anggota Asean bersatu-padu dalam dasar menarik pelabur asing melabur dalam negara membangun Asean," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata demikian ketika mengulas pendedahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika menyampaikan ucapan utama pada Dialog Perkongsian Pintar Global 2002 di Langkawi bahawa terdapat sebuah negara kaya yang berjaya menghalang sebuah perbadanan daripada melabur ke Malaysia dengan menawarkan 200 juta dolar di samping faedah istimewa lain.

Katanya, prasarana yang baik, kestabilan politik dan keharmonian hubungan perusahaan yang wujud dalam negara Asean akan meyakinkan pelabur untuk melabur di rantau itu.

Beliau berkata walaupun insentif yang diberikan oleh negara maju kepada pelabur asing adalah lebih tinggi dan infrastruktur yang disediakan adalah lebih baik, produktiviti tinggi yang ditunjukkan oleh pekerja di Malaysia tidak menjejaskan kemasukan pelabur asing.

"Kita juga yakin bahawa sesetengah industri pelabur asing yang beroperasi di negara kita tidak mahu meninggalkan negara ini sebaliknya kekal untuk melabur disebabkan produktiviti pekerja di negara kita begitu tinggi," katanya. -- BERNAMA

MUN HS MR